PEMULIHAN 3 : MORFOLOGI SPM

Disediakan oleh Cikgu Rozita, SMK Mengkuang

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata bantu** *dan* **lima kata hubung.** *Rujuk perkataan yang ditulis* **condong** *atau* **ditebalkan** *untuk menentukan jenis-jenis kata tersebut. Kenal pasti jenis-jenis kata tersebut dan tulis dalam jadual di bawah. Anda perlu menyusun kata tersebut mengikut urutan dalam petikan. Jawapan tidak boleh dilangkau kedudukannya. Perkataan yang sama yang berulang tidak perlu ditulis sekali lagi. Kemudian anda dikehendaki* **membina satu ayat** *anda sendiri bagi* **semua perkataan** *yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda* **tidak boleh** *menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Sejarah **dapat** mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan. Banyak kesilapan manusia berlaku *kerana* tidak mengambil iktibar daripada sejarah. Kesilapan *yang* telah kita lakukan dahulu sepatutnya menjadi pengajaran, manakala kebaikan yang dicapai kita teruskan. Bak kata pepatah Melayu, yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan. Sebagai contoh, negara kita **pernah** dijajah oleh negara asing *sejak* tahun 1511 *hingga* 1957. Kesilapan yang dilakukan ini tidak **harus** diulangi oleh generasi kini. Sebaliknya, kita **mesti** mempertahankan *dan* membangunkan negara.

(18 markah)

Kata Bantu	Kata Hubung
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
	5.

Membina Ayat

1. Azwa _____ Azliana tinggal di kampung berdekatan dengan sekolah kami.
2. Mawar _____ memasang almari itu berpandukan manual yang diberikan.
3. Azimah _____ mendapat tempat pertama dalam peperiksaan di sekolahnya.
4. Pengalaman merupakan anugerah _____ berharga kepada setiap manusia.
5. Aliff tidak menyertai kelas atas talian pada hari itu _____ dia bangun lewat.
6. Hafizi dan Ali bermasam muka _____ tahun lepas kerana berebutkan seorang gadis.
7. Setiap umat Islam _____ menghormati jiran tetangga walaupun berlainan bangsa.
8. Sebagai seorang Islam, kita _____ mengerjakan suruhan Allah tanpa bantahan.
9. Pandemik Covid 19 masih merebak _____ sekarang walaupun pelbagai pendekatan mengekangnya dilakukan oleh setiap rakyat.

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS